

PERKAITAN DI ANTARA PENGETAHUAN SEDIA ADA
GURU PELATIH DENGAN PENCAPAIAN
DAN PRESTASI LATIHAN MENGAJAR:
SATU KAJIAN KES DALAM PENDIDIKAN MUZIK

oleh

GOH ENG BENG

Tesis diserahkan untuk memenuhi keperluan sepenuhnya
bagi Ijazah Sarjana Pendidikan

September 1995

637404

rb
f LB2157
M2G614

PENGHARGAAN

Di sini saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia saya Professor Madya Dr. Yoong Suan atas segala bimbingan, pertolongan dan nasihat yang diberi kepada saya dalam menjalankan kajian ini.

Goh Eng Beng

PERKAITAN DI ANTARA PENGETAHUAN SEDIA ADA GURU PELATIH
DENGAN PENCAPAIAN DAN PRESTASI LATIHAN MENGAJAR :
SATU KAJIAN KES DALAM PENDIDIKAN MUZIK

JADUAL KANDUNGAN

PERKARA	MUKA
BAB 1	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pemelajaran Muzik dan Pendidikan Guru	4
1.3 Pernyataan masalah	7
1.4 Tujuan kajian	10
1.5 Kerangka konsep kajian	11
1.6 Kepentingan kajian	14
1.7 Istilah	15
BAB 2 : TINJAUAN KAJIAN BERKENAAN	
2.1 Pengetahuan sedia ada dan pemelajaran	17
2.2 Pengetahuan sedia ada dan pemelajaran mata pelajaran dalam pendidikan guru	22
2.3 Peranan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran dalam pengajaran	25
2.4 Perkaitan di antara pengetahuan isi kandungan mata pelajaran guru dengan pengajaran guru	26
2.5 Pengetahuan guru dan pengajaran	32
2.6 Pengajaran Muzik	34
2.7 Rumusan	35
BAB 3 : KAEDAH	
3.1 Sampel kajian	37
3.2 Alat-alat ukur kajian	37
3.2.1 Borang Melapor Perihalan Diri (BMPD)	38
3.2.2 Peperiksaan muzik	39
3.2.3 Borang Mengesan Perkembangan Pendidikan Muzik (BMPPM)	43
3.2.4 Borang Mengesan Minat Muzik (BMMM)	44
3.2.5 Borang Penilaian Latihan Mengajar	44
3.3 Kaedah menganalisis data	45
3.4 Prosedur kajian	45
3.4.1 Pengumpulan sampel	46
3.4.2 Peperiksaan muzik	47
3.4.3 Mengesan perkembangan pendidikan muzik (BMPPM)	48
3.4.4 Mengesan perkembangan minat muzik (BMMM)	48
3.4.5 Latihan mengajar	49

BAB 4 : KEPUTUSAN KAJIAN

4.1	Ciri-ciri sampel	50
4.1.1	Latar belakang responden	51
4.1.2	Pencapaian akademik sekolah	51
4.2	Membahagikan kumpulan : Kriteria pengesahan	52
4.3	Kebolehpercayaan dan kesahihan	53
4.3.1	Kebolehpercayaan peperiksaan muzik	53
4.3.2	Mengawal kegiatan muzik	56
4.3.3	Penyelarasan penilaian latihan mengajar	57
4.4	Menguji hipotesis kajian	60
4.5	Minat muzik responden	63

BAB 5 : RUMUSAN

5.1	Ringkasan dapatan kajian	65
5.2	Perbincangan	67
5.3	Had kajian	75
5.4	Kesimpulan	76

BIBLIOGRAFI	52
-------------	----

LAMPIRAN-LAMPIRAN :

A	Borang Melapor Perihal Diri (BMPD)
B	Borang Mengesan Perkembangan Pendidikan Muzik (BMPPM)
C	Borang Mengesan Minat Muzik (BMMM)
D	Borang Penilaian Pengajaran Dalam Praktikum (LM1)
E	Peperiksaan Sijil Perguruan 1993, Semester Kedua Pengajian Muzik - Mei 1994
F	Sukatan Pelajaran Kursus Perguruan Asas Lima Semester (Pengajian Sekolah Rendah Mulai Jun 1993) PENGAJIAN MUZIK

SENARAI JADUAL

PERKARA	MUKA
Rajah 1	13
Kerangka konsep kajian	
Jadual 1	51
Jadual 2	52
Jadual 3	52
Jadual 4	53
Jadual 5	53
Jadual 6	54
Jadual 7	55
Jadual 8	58
Jadual 9	60
Jadual 10	61
Jadual 11	61
Jadual 12	62
Jadual 13	62
Jadual 14	64
Jadual 15	69

ABSTRAK

Kajian ini menyiasat perkaitan di antara pengetahuan sedia ada muzik, pencapaian muzik dan prestasi latihan mengajar muzik di kalangan guru pelatih muzik. Dua kumpulan responden mengambil bahagian dalam kajian ini; satu kumpulan yang mempunyai pengetahuan sedia ada muzik semasa mereka memasuki maktab perguruan dan satu lagi kumpulan yang tidak mempunyai pengetahuan sedia ada muzik. Prestasi dalam peperiksaan muzik semester (teori dan amali) yang dikendalikan oleh maktab digunakan untuk mengukur pencapaian muzik. Tiga hipotesis dibentuk untuk menguji hubungan ini.

Ujian-t digunakan untuk menentukan sama ada perbezaan yang signifikan wujud di antara kedua-dua kumpulan dari segi pencapaian muzik dan prestasi latihan mengajar. Analisis korelasi linear digunakan untuk menentukan tahap korelasi di antara pencapaian muzik dan prestasi latihan mengajar muzik.

Keputusan kajian menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan wujud di antara kedua-dua kumpulan dari segi pencapaian muzik teori dan juga muzik keseluruhan.

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan yang signifikan wujud dalam pencapaian muzik amali: kumpulan yang mempunyai pengetahuan sedia ada muzik telah menunjukkan prestasi yang lebih baik. Tiada perbezaan signifikan wujud di antara kedua-dua kumpulan dari segi prestasi latihan mengajar muzik. Keputusan juga menunjukkan bahawa korelasi yang signifikan wujud di antara pencapaian muzik dan prestasi latihan mengajar muzik. Namun untuk kumpulan yang tidak mempunyai pengetahuan sedia ada muzik, tidak wujud korelasi di antara pencapaian muzik amali dan prestasi latihan mengajar muzik.

ABSTRACT

THE RELATIONSHIP OF TEACHER TRAINEES' PRIOR KNOWLEDGE WITH ACHIEVEMENT AND TEACHING PRACTICE PERFORMANCE: A CASE STUDY IN MUSIC EDUCATION.

This study investigated the relationship between prior knowledge in music, music achievement and music teaching practice performance among music teacher trainees. Two groups of respondents participated in this research: one group with prior music knowledge when they enter teacher training college, and the other without any prior knowledge in music. Music achievement was measured by performance in the semester music examination (theory and practical) conducted by the college. Three hypotheses were developed to test the relationship.

T-tests were used to determine whether any significant difference occurred between the two groups in music achievement and teaching practice performance. Linear correlation analysis was used to determine the significance of correlation between music achievement and music teaching practice performance.

Results indicated no significant difference in music theory as well as overall music achievement between the two groups. However there was a significant difference in practical music achievement, with the group with prior knowledge in music having a better performance. There was also no significant difference in teaching practice performance between the two groups. Results also indicated a significant correlation between music achievement and music teaching practice performance. However, for the group without prior knowledge in music, the results showed that there was no correlation between practical music achievement and teaching performance.

**PERKAITAN DI ANTARA PENGETAHUAN SEDIA ADA
DENGAN PENCAPAIAN DAN PRESTASI LATIHAN MENGAJAR :
SATU KAJIAN KES DALAM PENDIDIKAN MUZIK**

BAB 1

1.1 Pengenalan

Secara umumnya pemelajaran ialah satu proses di mana seorang pelajar memperoleh pengetahuan baru. Hasil proses ini akan menyebabkan perubahan tingkah laku di kalangan pelajar. Setiap proses pemelajaran bermula daripada sesuatu titik, di mana pengetahuan yang dikuasai oleh seseorang pelajar pada titik itu akan menjadi batu asas kepada pemelajaran lanjutan. Pengetahuan ini, termasuk kemahiran yang dikuasai oleh seseorang pada sesuatu titik itu, digelar sebagai pengetahuan sedia ada.

Ahli pendidikan sudah lama sedar tentang peranan penting yang dimainkan oleh pengetahuan sedia ada dalam proses pemelajaran. Bidang ini telah dikaji dengan luasnya oleh penyelidik dari bidang psikologi pendidikan yang bertumpu kepada aspek kognitif. Ausubel (1978) menegaskan bahawa pengetahuan sedia ada merupakan faktor

tunggal yang paling penting untuk mempengaruhi pembelajaran. Mengikuti pendapat beliau, keseluruhan bidang pendidikan psikologi boleh diasaskan kepada satu prinsip: faktor tunggal yang mempengaruhi pembelajaran ialah pengetahuan yang sudah ada pada seseorang pembelajar.

Ahli psikologi kognitif telah mencadangkan pokok teori tentang peranan yang dimainkan oleh pengetahuan sedia ada dalam proses pembelajaran. Ahli psikologi kognitif percaya bahawa pengetahuan yang diperolehi disusun secara mental dalam ingatan pelajar. Rangka susunan pengetahuan ini digelar sebagai struktur kognitif. Davis (1983) menjelaskan pokok idea ini sebagai proses mengaitkan maklumat baru dengan apa yang telah diketahui oleh seseorang pelajar, iaitu mengaitkan atau meletakkan idea baru ke dalam struktur kognitif yang sedia ada.

Shulman (1990) melanjutkan idea pokok teori ini dengan mengatakan bahawa semua maklumat baru yang diperolehi akan mendapatkan makna baru menerusi proses saling kaitan pengetahuan baru dengan pengetahuan yang sedia ada serta susunan semula pengetahuan ini.

Gagne (1985) menggariskan tiga prinsip penting tentang proses pembelajaran:

1. Maklumat baru akan mencungkil pengetahuan sedia ada yang berkaitan.

2. Maklumat baru ini bersama-sama dengan pengetahuan sedia ada pula akan memerangsangkan pembentukan pengetahuan baru yang lain. Ini akan berlaku melalui proses "huraian" (elaboration). Akibatnya ialah pengetahuan baru diperolehi hasil daripada proses pemikiran pembelajar itu.
3. Semua pengetahuan baru ini akan disimpan rapat dengan pengetahuan sedia ada yang ada kaitan dengannya itu.

Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan di antara pengetahuan sedia ada dengan pencapaian akademik.

Dalam usaha memperolehi bukti untuk menyokong sesuatu model pencapaian dalam Sains, Piburn (1993) telah mendapati bahawa pengetahuan sedia ada telah menyumbang kepada pencapaian dalam Sains. Cavallo (1992) telah mendapati bahawa pengetahuan sedia ada dalam topik Meiosis telah dapat meramal dengan jayanya pengekalan kefahaman yang bermakna (retention of meaningful understanding) di kalangan pelajar dalam topik Meiosis. Kajian Boujaoude dan Guiliano (1991) telah memperolehi bukti bahawa pengetahuan sedia ada telah menyumbang sebanyak 32% varians kepada pencapaian peperiksaan Kimia.

Secara umumnya keputusan kajian-kajian ini telah menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada mempunyai kesan positif ke atas pembelajaran. Hampir semua penyelidikan tentang peranan pengetahuan sedia ada dijalankan dalam pembelajaran Sains dan Matematik.

Pengetahuan dalam bidang Sains dan Matematik bersifat hirarki, iaitu, konsep-konsep dan prinsip-prinsip disusun secara berlangkah-langkah dari bentuk yang ringkas dan mudah ke bentuk yang kompleks dan susah. Ini bermakna konsep-konsep asas perlu dipelajari dahulu sebelum konsep-konsep paras tinggi boleh dikuasai. Oleh itu, pengetahuan sedia ada merupakan faktor yang penting yang boleh mempengaruhi pembelajaran Sains dan Matematik.

Dalam mata pelajaran lain di mana isinya juga bercorak hirarki, kita juga boleh jangka bahawa pengetahuan sedia ada juga mungkin akan memainkan peranan penting dalam pembelajaran mata pelajaran tertentu. Muzik, misalnya merupakan satu mata pelajaran di mana isi kandungannya juga bersifat hirarki.

1.2 Pembelajaran Muzik dan Pendidikan Guru

Pembelajaran muzik mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Khususnya pembelajaran muzik mengikut cara formal akan meliputi pembelajaran bukan sahaja muzik teori tetapi juga aspek-aspek muzik amali.

Dalam muzik teori, bunyi-bunyi muzik dilambangkan dalam bentuk not-not bertulis. Dalam perkataan lain notasi muzik ini adalah perwakilan visual tentang bunyi muzik. Mengikut Swanson (1969) hanya selepas pendedahan dan pengalaman yang lama dalam muzik amali barulah seseorang dapat membentuk satu pendengaran "dalaman" (inner "hearing") tentang bunyi muzik daripada notasi muzik ini. Dengan ini, barulah notasi ini akan membawa makna yang lebih jelas lagi kepada seseorang tentang bunyi-bunyi yang telah dipersepsikan melalui pendengaran.

Pada peringkat asasnya muzik teori boleh dipelajari dan pemelajarannya boleh berlaku dalam masa yang singkat. Tetapi kemahiran muzik amali ialah satu kemahiran motor dan oleh itu ia memerlukan aktiviti "hands-on". Dalam penguasaan kemahiran motor ini, seseorang bukan sahaja menguasai kemahiran itu, tetapi ia juga harus mengalami peningkatan dalam kemahiran tersebut (Smith dan Rohrman (1970). Oleh itu, penguasaan kemahiran amali ialah satu proses yang memerlukan banyak latihan dan akan mengambil masa yang agak lama.

Kesimpulannya, pemelajaran muzik melibatkan satu proses yang agak lama. Sebarang pemelajaran singkat yang digunakan boleh menghalang pencapaian muzik.

Dalam pendidikan guru pula, memandangkan tempoh latihan guru adalah satu masa yang agak pendek, maka sekiranya kita perlu melatih guru untuk mengajar muzik di sekolah, adalah penting guru pelatih ini mempunyai pengetahuan sedia ada dalam muzik. Pengetahuan sedia ada ini boleh membantu guru pelatih melengkapkan diri dengan pengetahuan muzik untuk mengajarnya di sekolah. Sewajarnya seseorang guru itu mempunyai pengetahuan mata pelajaran untuk membantunya mengajar mata pelajaran itu dengan berkesan.

Beberapa penyelidikan telah dijalankan yang menunjukkan bagaimana pengetahuan mata pelajaran ini boleh membantu guru mengadakan pengajaran yang berkesan. Mengikut Shulman (1990), pengetahuan isi mata pelajaran dapat membantu seseorang guru membentuk dan mengadakan satu pengajaran yang berkesan. Ini adalah kerana pengetahuan ini membolehkan guru memilih analogi, metafora, contoh dan sebagainya yang sesuai dan tepat untuk membantu uasha membentuk kefahaman pada pelajarnya. Sebaliknya, kekurangan pengetahuan mata pelajaran boleh menyekat keberkesanan pengajaran guru, misalnya menggunakan metafora yang tidak tepat dalam pengajarannya (Smith dan Sendelbach, (1982)).

Penyelidikan Hashweh (1987) mendapati pengetahuan mata pelajaran membolehkan guru menyediakan dan mengaturkan

aktiviti pengajaran-pemelajaran sendiri sekiranya aktiviti ini tidak didapati dalam buku teks.

Mosenthal dan Ball (1992) mendapati bahawa pengajaran mata pelajaran Matematik yang bercorak 'constructivist' menjadi lebih berkesan apabila guru mempunyai pengetahuan mata pelajaran yang mendalam. Misalnya, pengetahuan ini membolehkan guru menentukan sama ada sesuatu perkara yang dikemukakan oleh pelajarnya itu boleh dikaitkan dengan satu idea matematik yang lebih besar.

Bagi guru yang mengajar Muzik, pengetahuan muzik teori sahaja mungkin tidak mencukupi untuk mendatangkan pengajaran muzik yang berkesan. Seseorang guru muzik itu harus juga mempunyai pengetahuan muzik amali.

1.3 Pernyataan masalah

Di Malaysia, sebelum pertengahan 1980an, maktab-maktab perguruan tidak menyediakan mata pelajaran Muzik sebagai satu pengkhususan. Ini adalah kerana Muzik tidak diajar sebagai satu mata pelajaran sekolah. Tetapi mulai tahun 1982, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah memperkenalkan Muzik sebagai satu mata pelajaran di sekolah rendah. Oleh kerana perkembangan ini, pada tahun 1984, beberapa maktab perguruan telah mula melatih guru-guru Muzik.

Pengambilan guru pelatih di Malaysia adalah berdasarkan kepada pencapaian akademik minima calon dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Calon-calun ini akan mengemukakan permohonan mereka kepada Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Selepas permohonan mereka ditapis, calon yang dipilih akan menduduki Ujian Kelayakan Perguruan (UKELP). Ujian ini bertujuan menguji kecenderongan calon dan ia mengandungi komponen-komponen Bahasa Malaysia, Matematik dan Am.

Selepas ujian ini, calon yang berjaya akan dipanggil untuk menghadiri satu temuduga. Calon yang berjaya dalam temuduga ini akan dipilih untuk memasuki maktab perguruan.

Walaupun kebiasaannya calon guru pelatih diberi peluang untuk memilih mata pelajaran pengkhususan mereka semasa membuat permohonan, penetapan muktamad pilihan mata pelajaran pengkhususan ini akan ditentukan oleh Bahagian Pendidikan Guru. Penetapan ini biasanya ditentukan berpandukan pencapaian akademik guru pelatih dalam mata pelajaran tersebut dalam SPM. Kursus perguruan yang akan diikuti oleh guru-guru pelatih ini ialah kursus perguruan asas.

Bagi pengkhususan muzik pula, calon guru pelatih terpaksa dipilih daripada kalangan yang tidak mempunyai kelayakan formal dalam muzik. Ini adalah kerana muzik

tidak diajar di sekolah menengah di Malaysia dan tidak ditawarkan sebagai satu mata pelajaran peperiksaan dalam SPM. Oleh itu, pihak Bahagian Pendidikan Guru terpaksa menggunakan kriteria-kriteria lain dalam pemilihan guru-guru pelatih muzik.

Dalam kursus perguruan muzik, guru pelatih dikehendaki mempelajari muzik teori dan muzik amali. Di samping itu, mereka juga akan mengikuti mata pelajaran teras dan aktiviti gerak-kerja kokurikulum seperti guru pelatih opsyen lain. Komponen muzik teori boleh dipelajari dalam masa yang singkat oleh guru pelatih ini. Tetapi guru pelatih mungkin menghadapi kesulitan dalam komponen muzik amali kerana penguasaannya akan mengambil masa yang agak lama. Isu yang timbul ialah sama ada guru pelatih yang tidak mempunyai pengetahuan sedia ada dalam muzik akan menghadapi masalah dalam pemelajaran muzik dan seterusnya mengajar muzik di sekolah nanti dengan berkesan.

Oleh itu isu ini perlu dikaji. Adalah diharapkan bahawa dapatan-dapatan daripada kajian ini boleh menyumbang ke arah penentuan garis panduan bagi pengambilan guru pelatih muzik yang akan datang.

Untuk memperolehi dapatan-dapatan ini, kajian ini dipandukan oleh tiga hipotesis:

Hipotesis 1 : Tiada perbezaan yang signifikan pada paras $\alpha=0.05$ wujud di antara guru pelatih yang mempunyai pengetahuan sedia ada muzik berbanding dengan guru pelatih yang tidak mempunyai pengetahuan sedia ada muzik dari segi pencapaian muzik.

Hipotesis 2 : Tiada perbezaan yang signifikan pada paras $\alpha=0.05$ wujud di antara guru yang mempunyai pengetahuan sedia ada muzik berbanding dengan guru pelatih yang tidak mempunyai pengetahuan sedia ada muzik dari segi prestasi latihan mengajar muzik.

Hipotesis 3 : Tiada korelasi yang signifikan pada paras $\alpha=0.05$ wujud antara prestasi latihan mengajar muzik dengan pencapaian muzik.

Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji minat pelajar terhadap muzik sebelum dan selepas latihan guru (sebelum guru pelatih memulakan latihan mengajar).

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau sama ada pengetahuan sedia ada mendatangkan kesan ke atas pencapaian dalam pendidikan guru dan seterusnya prestasi dalam latihan

mengajar. Secara khususnya, kajian ini membandingkan pencapaian dan prestasi latihan mengajar dalam muzik di antara guru pelatih yang mempunyai pengetahuan sedia ada muzik dengan guru pelatih yang tidak mempunyai pengetahuan sedia ada muzik.

Pencapaian muzik ini diukur melalui peperiksaan muzik yang dikendalikan oleh maktab perguruan. Prestasi latihan mengajar ialah keputusan penilaian pengajaran muzik semasa latihan mengajar.

1.5 Kerangka Konsepsi Kajian

Satu objektif pendidikan guru ialah untuk menyediakan guru pelatih dengan pengetahuan-pengetahuan untuk membolehkan ia mengajar di sekolah. Dalam proses pendidikan ini guru pelatih akan mengikuti kursus di maktab dan selepas itu ditempatkan di sekolah untuk menjalani latihan mengajar.

Kajian ini diasaskan kepada satu kerangka konsep (Rajah 1) bahawa guru pelatih muzik datang ke maktab dengan tahap-tahap berlainan dari segi pengetahuan muzik. Terdapat juga sebilangan guru pelatih yang datang tanpa sebarang pengetahuan muzik. Pengetahuan muzik yang dibawa oleh guru pelatih ke maktab bercorak pengetahuan disiplin dan ia terdiri daripada dua komponen : teori dan amali.

Pengetahuan muzik teori ialah pengetahuan abstrak dan ia mengandungi pengetahuan konsep-konsep muzik seperti notasi, struktur, dan perkaitan di antara konsep-konsep dalam muzik.


Pengetahuan muzik amali adalah lebih kompleks. Secara umumnya pengetahuan amali boleh ditakrifkan sebagai maklumat dan kemahiran-kemahiran yang memandu dan membentuk tingkah laku seseorang (Tamir, 1991). Dalam bidang muzik, maklumat ini termasuk pengetahuan kognitif tentang kod, irama dan melodi. Kemahiran pula termasuk kebolehan fizikal seperti mengaplikasikan kod dalam iringan, mengiring mengikut rentak dan kebolehan bermain melodi dengan sesuatu alat muzik. Dalam perka-taan lain pengetahuan amali juga termasuk kemahiran persembahan (performance skills).

Guru pelatih ini akan mengikuti kursus muzik di maktab. Dalam kursus ini, selain mempelajari muzik sebagai satu disiplin, mereka juga akan mempelajari muzik dalam cara dan bentuk untuk mengajarnya di sekolah nanti. Dalam proses pembelajaran ini, pengetahuan muzik yang dibawa oleh guru pelatih ke maktab memainkan peranan sebagai pengetahuan sedia ada.

Selepas mengikuti kursus ini mereka akan menduduki peperiksaan untuk mengukur pencapaian mereka. Dalam peperiksaan ini, guru pelatih yang mempunyai pengetahuan

sedia ada muzik dijangka akan menunjukkan pencapaian yang lebih baik. Seterusnya, guru pelatih ini akan ditempatkan disekolah untuk menjalani latihan mengajar. Di sini guru pelatih yang menunjukkan pencapaian muzik yang lebih baik dijangka menunjukkan prestasi mengajar yang lebih baik juga.

Rajah 1. Kerangka Konsep Kajian



sukatan/kurikulum muzik, khususnya dalam pengagihan masa untuk penguasaan isi kandungan mata pelajaran dan penguasaan kemahiran mengajar Muzik.

Kajian ini menyelidiki perkaitan di antara pengetahuan sedia ada dengan pemelajaran, dan perkaitan antara pengetahuan isi kandungan dengan prestasi kepakaran (expert performance) berlandaskan teori-teori psikologi kognitif. Kajian ini khusus dalam bidang perguruan Muzik, di mana hampir tidak ada penyelidikan yang dijalankan sehingga sekarang.

1.7 Istilah

1. Guru Pelatih : Guru-guru pelatih Muzik dari sebuah maktab perguruan di Pulau Pinang.
2. Pengetahuan Sedia Ada Muzik : Pengetahuan/kebolehan teori dan/atau bermain alat muzik pada masa guru pelatih Muzik mendaftar diri di maktab perguruan untuk memulakan kursus perguruan.
3. Pencapaian Muzik : Pencapaian muzik ialah pengetahuan teori muzik dan kebolehan muzik amali yang diperolehi melalui kuliah dan aktiviti muzik semasa kursus perguruan muzik. Dalam kajian ini, pencapaian ini juga merupakan tahap pengetahuan isi kandungan mata pelajaran muzik.

Untuk mengukur pencapaian ini, markah peperiksaan muzik semester maktab digunakan.

4. Prestasi Latihan Mengajar Muzik : Purata markah daripada dua markah penilaian pengajaran mata pelajaran muzik guru pelatih semasa Latihan Mengajar. (Setiap guru pelatih muzik akan dinilai dua kali dalam pengajaran Muzik).

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN BERKENAAN

Kajian ini bertujuan mengenalpasti perkaitan di antara pengetahuan sedia ada, pencapaian dan prestasi latihan mengajar dengan bidang muzik sebagai kajian kes. Bab ini meninjau kajian-kajian yang dibuat tentang perkaitan pengetahuan sedia ada dengan pemelajaran, pemelajaran Muzik, peranan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran dalam pengajaran, perkaitan di antara pengetahuan isi kandungan mata pelajaran dengan prestasi pengajaran, pengetahuan guru dan pengajaran Muzik.

Dalam membuat tinjauan ini, ERIC telah digunakan untuk mengesan sumber-sumber bahan. Maklumat dan bahan diperolehi daripada jurnal dan buku. Di mana sumber utama tidak dapat diperolehi, rujukan telah dibuat daripada abstrak-abstrak dokumen ERIC.

2.1 Pengetahuan sedia ada dan pemelajaran.

Ahli psikologi kognitif percaya bahawa pemelajaran berlaku akibat daripada perkaitan di antara pengetahuan sedia ada dan maklumat baru yang diperolehi. Dengan cara ini pengetahuan baru diperolehi. Oleh itu, pemelajaran boleh dikatakan berlaku secara kumulatif (Shuell, 1983).

Terdapat banyak kajian telah dibuat mengenai per- kaitan di antara pengetahuan sedia ada dan pembelajaran, terutama sekali dalam pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik.

BouJaoude dan Guiliano (1991) mengkaji tentang perkaitan di antara faktor pendekatan pembelajaran, kebolehan menaakul secara formal, pengetahuan sedia ada, dan jantina dengan pencapaian dalam mata pelajaran Kimia. Respondennya terdiri daripada 199 pelajar univer- sity. Dengan menggunakan 'stepwise multiple regression' mereka mendapati bahawa pengetahuan sedia ada adalah di antara faktor yang telah mendatangkan kesan setinggi 32% varians atas skor peperiksaan akhir mata pelajaran Kimia. Faktor-faktor lain termasuk ujian pemikiran secara logik (Test of Logical Thinking) dan orintasi makna (meaning orientation) yang dipegang oleh pelajar.

Dalam usaha memperolehi bukti bagi menyokong satu model pencapaian dalam Sains, Piburn (1993) telah mem- buat satu meta analisis atas kajian-kajian yang telah dibuat dalam masa sepuluh tahun yang lampau tentang pendidikan Sains. Daripada tinjauan ini beliau mendapati bahawa, antara lain, pengetahuan sedia ada telah menyum- bang kepada pencapaian saintifik (scientific achieve- ment).

Young (1993) telah membuat perbandingan di antara pengaruh faktor sekolah dan pengaruh faktor individu

atas pemelajaran Sains. Kajiannya melibatkan 2000 pelajar tahap Gred Sepuluh dari seluruh negara. Dengan menggunakan analisis "hierarchial linear" beliau mendapati bahawa pencapaian dahulu (prior achievements) mendatangkan pengaruh yang kuat ke atas pencapaian susulan dalam pemelajaran Sains.

Dixon (1987) telah menyiasat faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan dan kegagalan akademik dalam kursus Sains Komputer di kalangan 197 pelajar universiti. Pelajar-pelajar ini sedang mengikuti kelas pengenalan Sains Komputer. Untuk memperolehi data kajiannya, Dixon menggunakan soal selidik untuk mendapatkan maklumat tentang latarbelakang responden, ujian konsep Sains Komputer dan inventori gaya pembelajaran. Dengan menggunakan analisis ralat (error analysis), beliau mendapati bahawa kesan positif yang paling kuat atas pencapaian dalam pemelajaran Sains Komputer ialah pendedahan awal kepada komputer, disamping jangka masa di mana program komputer ditulis.

Untuk mengesan pengaruh perbezaan jantina atas prestasi dalam Matematik, Byrnes dan Sayuri (1993) telah membuat satu kajian atas 108 pelajar Gred Sebelas dan Duabelas. Pelajar-pelajar ini telah menjawab satu soal selidik strategi dan menduduki 'Scholastic Aptitude Test (SAT)' dalam item Matematik. Kajian mereka telah menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada mempunyai kesan

sebanyak 50% daripada varians ke atas pencapaian dalam ujian item SAT-Matematik, disamping faktor jantina dan strategi.

Dalam teori produktiviti pendidikannya (theory of educational productivity) Walberg (1984) telah mengenalpasti sembilan faktor yang boleh meningkatkan pemelajaran afektif, tingkah laku dan kognitif. Kesembilan faktor ini digolongkan ke dalam tiga kumpulan, antaranya, kecederungan pelajar. Kecenderungan ini termasuk pencapaian lepas (prior achievement). Walberg juga dilaporkan sebagai mengatakan bahawa pencapaian lepas seseorang telah didapati sebagai satu peramal penting tentang hasil prestasi (Wang dan Palincsar (1990)).

Terdapat juga kajian lain yang memandang pengetahuan sedia ada sebagai peramal dalam pencapaian pemelajaran. Cavallo (1992) telah mengkaji pengetahuan sedia ada dari segi keupayaannya meramal kejayaan pemelajaran. Beliau menyiasat pengaruh pembolehubah-pembolehubah seperti orientasi pemelajaran bermakna (meaningful learning orientation), pengetahuan sedia ada dalam topik Meiosis dan cara bagaimana pemelajaran meramal pengekalanan kefahaman bermakna (retention of meaningful understanding) dalam pemelajaran topik Meiosis. Dengan menggunakan "stepwise multiple regressions" beliau telah mendapati bahawa pengekalanan kefahaman bermakna tentang topik Meiosis dapat diramalkan oleh pengetahuan sedia

ada pelajar dalam Meiosis dan juga oleh orientasi pembelajaran secara bermakna (meaningful learning orientation) pelajar itu.

Shemesh (1988) telah menyiasat kesahihan tugas bertulis tentang nisbah dan kadar (ratio and proportions) sebagai satu tindakan penaaakulan formal (formal reasoning) dalam bidang Matematik. Kajian ini membanding pencapaian di antara kumpulan kawalan dengan kumpulan percubaan. Kajiannya ini mendapati bahawa prestasi pelajar dalam setengah tugas yang digunakan untuk menguji kebolehan menakkul formal, sangat bergantung kepada pembelajaran khusus yang lepas (specific previous learning).

Knudson (1992) telah menyiasat keberkesanan empat strategi pembelajaran atas kebolehan menulis secara argumentatif di kalangan pelajar sekolah menengah. Beliau mendapati bahawa pengetahuan sedia ada boleh mempengaruhi kebolehan pelajar dalam membahas. Pengetahuan ini boleh menyokong hujah-hujah yang dibahaskan dan dengan ini boleh meningkatkan kebolehan membahas di kalangan pelajar.

Pada umumnya kajian-kajian ini telah menunjukkan bahawa pengetahuan sedia ada telah mendatangkan kesan-kesan positif dalam pembelajaran.

Tetapi hampir semua kajian mengenai pengetahuan sedia ada dan kesannya atas pembelajaran dibuat atas pembelajaran Sains dan Matematik. Untuk pembelajaran mata pelajaran Muzik, baik pun mata pelajaran lain, kajian adalah amat kurang sekali atau hampir tiada langsung.

2.2 Pengetahuan sedia ada dan Pembelajaran Mata

Pelajaran dalam Pendidikan Guru.

Pada awal tahun 1980an, satu perbahasan tentang kualiti guru telah muncul di Amerika. Berkaitan rapat dengan isu kualiti guru ini ialah soal pengetahuan guru dalam mata pelajaran yang mereka ajar. Seolah-olah kualiti guru ini mempunyai kaitan dengan tahap pengetahuan dan penguasaan guru dalam mata pelajaran yang mereka ajar. Berikutan perbahasan ini, para penyelidik mula menyarankan bahawa perhatian perlu ditumpukan kepada kajian tentang pengetahuan guru dalam mata pelajaran (Hashweh (1987)). Sememangnya bidang ini sudah lama diabaikan (Barnes, 1990).

Walaupun pada umumnya pengetahuan dalam mata pelajaran diterima sebagai satu komponen pengetahuan yang harus ada pada seseorang guru, kajian dalam bidang pendidikan guru tidak memberi tumpuan kepada penguasaan kandungan mata pelajaran oleh guru. Ini mungkin disebabkan selama ini, wujud kepercayaan bahawa seseorang

guru memang sudah mempunyai pengetahuan dalam kandungan mata pelajaran yang diajarnya. Oleh itu kajian dalam bidang ini adalah satu usaha yang baru (Ball dan McDiarmid (1990).

Dengan perhatian yang semakin meningkat diberikan kepada bidang ini para penyelidik memberi tumpuan kepada sumber pengetahuan dan cara guru memperolehi pengetahuan kandungan mata pelajaran. Ball dan McDiarmid (1990) telah mengenalpasti dua sumber. Pertama, seseorang guru pelatih biasanya sudah mempelajari kandungan mata pelajaran semasa di sekolah lagi. Ini bermakna guru pelatih memang sudah mempunyai pengetahuan kandungan mata pelajaran pada masa mereka datang ke maktab. Juga semasa mengajar, seseorang guru akan menghadapi soalan-soalan daripada pelajar. Soalan-soalan ini memerlukan tindak balas daripada guru. Disamping itu, guru mungkin juga akan terlibat dalam aktiviti perbincangan bersama dengan pelajarnya dalam kelas. Kedua-dua aktiviti ini boleh mengukuhkan lagi pengetahuan guru dalam kandungan mata pelajaran itu.

Dalam bidang Muzik kajian-kajian yang dibuat tidak menyiasat bagaimana dan dari mana guru pelatih memperolehi pengetahuan kandungan mata pelajaran. Sebaliknya tumpuan diberikan kepada mengenalpasti faktor-faktor yang boleh meramal pencapaian guru pelatih dalam muzik.

George (1969), LeBlanc (1971) dan Melton (1973) telah cuba mengenalpasti faktor-faktor yang boleh meramal kejayaan guru pelatih muzik dalam prestasi akademik semasa latihan perguruan. Untuk menjalankan kajian-kajian ini, mereka telah menggunakan penyempurnaan kursus sebagai kriteria kejayaan akademik dalam kursus itu.

Leblanc telah mendapati bahawa skor Grade Points Average (GPA) sekolah dan skor "American College Testing Program" (ACT) mempunyai korelasi yang signifikan dengan kejayaan akademik guru-guru pelatih ini. George pula melaporkan bahawa pencapaian Teori Muzik dan Latihan Aural (ear training) merupakan peramal pencapaian yang kuat tentang kejayaan akademik dalam kursus ijazah Muzik empat tahun. Tetapi Melton tidak dapat mengesan apa-apa pembolehubah yang boleh membezakan antara pelajar Muzik yang gagal dengan pelajar yang berjaya menyempurnakan kursus.

Ernest (1970) mendapati bahawa pangkatan sekolah (high school ranking) mempunyai korelasi yang signifikan dengan pencapaian "Grade Point Average (GPA)" dalam mata pelajaran Muzik di peringkat universiti.

Pada kesuluruhannya bukti-bukti yang diperolehi daripada kajian setakat ini lebih mirip kepada gred sekolah (high school grades) dan skor ujian piawai